



IKLAN JAWATAN KOSONG BAGI JAWATAN PENGARAH GRED E14, BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 untuk menjalankan Akta Persaingan 2010. Akta Persaingan dan Akta Suruhanjaya Persaingan diterbitkan dalam Warta Kerajaan pada 10 Jun 2010 dan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2012. Akta-akta ini bertujuan untuk mendorong pembangunan ekonomi negara dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan dalam pasaran dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna.

Fungsi Utama Suruhanjaya

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 memberi kuasa kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Suruhanjaya Persaingan) untuk menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasa peruntukan-peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan; menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia; memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

Permohonan daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan di Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) secara **KONTRAK** seperti berikut:

SYARAT – SYARAT UMUM

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

1. Adalah seperti di Lampiran A

BIL.	JAWATAN	GRED	BAHAGIAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	BIL. KEKOSONGAN	JADUAL GAJI	
						MIN	MAK
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL							
1	PENGARAH	E14	BAHAGIAN PENYIASATAN & PENGUATKUASAAN	EKONOMI	1	RM6,560.00	RM15,360.00

PROSEDUR PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat di laman web rasmi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) www.mycc.gov.my
2. Setiap borang permohonan hendaklah disertakan sekeping gambar berukuran passport, salinan sijil-sijil dan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
 - a. Kad Pengenalan;
 - b. Diploma/Ijazah beserta Transkrip Surat Akuan pengiktirafan Ijazah/Diploma/sijil daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau JPA;
 - c. Surat berhenti sekolah;
 - d. Sijil-sijil seperti PMR, SPM, STPM; dan
 - e. Sijil-sijil lain yang berkaitan.
3. Borang permohonan yang tidak lengkap/ tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.
4. Gaji yang ditawarkan adalah mengikut kelayakan akademik, pengalaman dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan dan ianya adalah **muktamad**. Tiada sebarang rundingan boleh dibuat.
5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 JUN 2025**.

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

- 1) Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
 - a. **Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi/Undang-undang atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - b. Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 2) Syarat Tambahan
 - a. **Calon hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman bekerja dalam bidang penyiasatan dan penguatkuasaan atau bidang lain yang berkaitan.** Kelebihan diberikan kepada calon yang mempunyai pengetahuan mengenai dasar dan undang-undang persaingan sama ada di Malaysia atau peringkat antarabangsa;
 - b. Mempunyai pengetahuan mengenai dasar-dasar Kerajaan termasuk pengalaman berurus dengan jabatan dan agensi Kerajaan;
 - c. Mempunyai kebolehan menulis dan berkomunikasi dengan cemerlang dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta menguasai bahasa ketiga adalah merupakan satu kelebihan;
 - d. Mempunyai kemahiran analitikal dan penyelesaian masalah yang baik; dan
 - e. Berkemahiran dalam memimpin pasukan serta mampu dalam membina hubungan baik dengan pihak berkepentingan di pelbagai peringkat.

Selain daripada pengalaman dan pengetahuan dalam bidang berkaitan, calon perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menunjukkan komitmen yang tinggi untuk mencapai matlamat dan objektif organisasi;
- Kemahiran interpersonal yang baik dalam menjalankan proses perundingan, penyelesaian masalah serta perkongsian pengetahuan; dan
- Keupayaan untuk bekerja di bawah tekanan kerja, integriti yang tinggi dan mengekalkan prinsip kerja berpasukan.

3) Ringkasan tugas

- a. Bertanggungjawab merangka dan menguruskan dasar-dasar dan perancangan pengecualian, regim kelonggaran, penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang anti persaingan.
- b. Bertanggungjawab menguruskan penyediaan dan penggunaan prosedur-prosedur pengecualian, regim kelonggaran, risikan, penyiasatan dan pengendalian kertas siasatan dan barang kes.
- c. Bertanggungjawab menguruskan pelaksanaan dasar-dasar pengecualian, regim kelonggaran, risikan, penyiasatan dan pelaporan mengikut garispanduan dan prosedur-prosedur yang ditetapkan.
- d. Bertanggungjawab mengendalikan prosedur pengecualian, regim kelonggaran dan membuat pengesyoran mengenainya.
- e. Bertanggungjawab, menguruskan perancangan operasi risikan, pengumpulan maklumat dan data mengenai amalan anti-persaingan.
- f. Bertanggungjawab menguruskan kajian dan analisa laporan yang dibuat berikutan operasi risikan.
- g. Bertanggungjawab menguruskan perancangan serbuan dan siasatan yang dijalankan.
- h. Bertanggungjawab menguruskan pelaksanaan serbuan, dan penyiasatan kes-kes pelanggaran Akta Persaingan 2010 serta kesalahan jenayah di bawahnya.
- i. Bertanggungjawab menguruskan pembukaan dan penyelenggaraan Kertas Siasatan dan bukti-bukti yang diperolehi.
- j. Bertanggungjawab menguruskan penyediaan laporan permohonan pengecualian, kelayakan kelonggaran serta penyiasatan pelanggaran atau jenayah.
- k. Bertanggungjawab menguruskan penyediaan hasil siasatan berhubung dengan permohonan pengecualian, kelayakan kelonggaran serta kes pelanggaran atau jenayah serta memberi input untuk tujuan makluman kepada pihak atasan.
- l. Bertanggungjawab menguruskan keselamatan maklumat hasil risikan dan hasil siasatan sesuatu kes.
- m. Bertanggungjawab mengawalselia pelaksanaan arahan, langkah interim, penyediaan laporan dan input tentang kes-kes yang diputuskan oleh Suruhanjaya serta pelaksanaan keputusan Suruhanjaya terhadap pelanggaran Akta Persaingan 2010 serta penguatkuasaan aku janji;
- n. Bertanggungjawab mengawalselia ke atas penyelenggaraan rekod kes-kes keputusan Suruhanjaya, kes-kes kompaun dan pendakwaan di mahkamah;

- o. Bertanggungjawab mengadakan latihan dalam aspek penguatkuasaan arahan, keputusan dan langkah interim;
- p. Bertanggungjawab menguruskan atau menyelia semua kerja-kerja yang berkaitan dengan Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan; dan
- q. Melaksanakan sebarang tugas *ad-hoc* yang ditetapkan oleh Pengurusan atau Ketua Pegawai Eksekutif dari semasa ke semasa.

Nota: Deskripsi tugas ini bertujuan untuk menggariskan skop kerja yang perlu dilakukan oleh setiap individu untuk jawatan ini. Suruhanjaya Persaingan Malaysia berhak untuk mengubah deskripsi tugas ini untuk memenuhi keperluan organisasi.